

Cagamas sasar terbit bon, sukuk RM11b

Oleh JOHANNA A. SOBREY

KUALA LUMPUR — Cagamas Bhd. (Cagamas) dijangka menerbitkan bon dan sukuk bernilai RM11 bilion pada tahun ini berbanding RM5.7 bilion pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong berkata, peningkatan nilai tersebut turut dipengaruhi oleh jangkaan permintaan yang lebih baik terhadap bon dan sukuk Cagamas daripada institusi perbankan dalam memenuhi keperluan ketat Basel III.

“Salah satu aspek yang dilihat pihak bank adalah penyediaan pengurusan modal serta penyelesaian kecairan, seperti yang disediakan oleh Cagamas.

“Di samping itu, keadaan

ekonomi global dilihat lebih baik bagi pasaran modal tempatan pada tahun ini berbanding tahun lalu yang telah menerima impak sampingan ekoran Brexit iaitu terkeluarnya Britain daripada Kesatuan Eropah (EU) dan pilihan raya presiden di Amerika Syarikat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar sempena taklimat berhubung pasaran modal di sini semalam.

Chee Leong menjelaskan, sehingga bulan April lalu, Cagamas telah menerbitkan bon dengan nilai RM4.2 bilion serta sukuk (RM1.2 bilion).

Tambah beliau, Cagamas tidak meletakkan sebarang sasaran terhadap nisbah penerbitan bon atau sukuk

dalam denominasi ringgit dan mata wang asing.

“Ia akan bergantung kepada nilai terbaik yang disediakan mata wang terlibat ketika terbitan dibuat.

“Pemilihan mata wang terlibat juga bergantung pada kecairan dan ketidaktentuan pasaran pada masa tersebut,” jelasnya.

Basel III merupakan langkah pembaharuan komprehensif yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel, untuk memperkuatkkan pengawal selian, pemantauan dan pengurusan risiko sektor perbankan.

Ia bertujuan mempertingkatkan keupayaan sektor perbankan untuk menyerap impak tekanan ekonomi dan kewangan serta pengurusan risiko dan tadbir urus bank. Selain itu, Basel III juga bermatlamat untuk memperkuatkkan ketelusan dan pendedahan bank.



CHEE LEONG